



31 Januari 2013  
31 January 2013  
P.U. (A) 24

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

### PERINTAH PERINDUSTRIAN SEKURITI (DEPOSITORI PUSAT) (PENGECUALIAN) 2013

### SECURITIES INDUSTRY (CENTRAL DEPOSITORIES)(EXEMPTION) ORDER 2013



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

**AKTA PERINDUSTRIAN SEKURITI (DEPOSITORI PUSAT) 1991**

**PERINTAH PERINDUSTRIAN SEKURITI (DEPOSITORI PUSAT) (PENGECUALIAN) 2013**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62A(1) Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 [Akta 453], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pengecualian) 2013.**  
  
(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 31 Januari 2013.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini—

“debentur runcit” ertinya apa-apa debentur yang dicadangkan untuk diterbitkan atau ditawarkan kepada pelabur runcit dan termasuklah debentur yang berkenaan dengannya suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli debentur itu dicadangkan untuk diterbitkan kepada pelabur runcit;

“pelabur runcit” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam garis panduan yang berhubungan dengan amalan jualan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya;

“sukuk runcit” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam garis panduan yang berhubungan dengan sukuk yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

**Pengecualian jika skrip fizikal tidak didepositkan dengan depositori pusat**

3. (1) Jika depositori pusat telah membuat suatu perkiraan dengan Bank Negara Malaysia atau suatu entiti yang bertindak bagi pihak Bank Negara Malaysia untuk memegang hakmilik atau pemilikan fizikal bagi skrip fizikal yang menjadi dasar apa-apa sekuriti, atau untuk memegang apa-apa dokumen lain yang mewakili sekuriti bagi pihak depositori pusat, sebagai pemegang *bare trust* bagi pendeposit, bagi

maksud Akta, sekuriti itu disifatkan sebagai didepositkan atau diserah simpan dengan, atau dipegang dalam jagaan oleh, depositori pusat itu, apabila depositori pusat berpuas hati bahawa sekuriti itu telah dideposit atau diserah simpan dengan pihak yang berkenaan.

(2) Menteri mengecualikan pemakaian peruntukan yang berikut bagi maksud sekuriti yang dinyatakan dalam subperenggan (1):

- (a) perenggan 12(1)(c) dan (e) Akta;
- (b) subseksyen 17(1) Akta; dan
- (c) subseksyen 28(1), (2) dan (3) Akta.

**Pengecualian daripada mendepositkan debentur runcit atau sukuk runcit dengan depositori pusat di bawah subseksyen 14(1) Akta**

4. Menteri mengecualikan bursa saham daripada mendepositkan debentur runcit atau sukuk runcit dengan depositori pusat di bawah subseksyen 14(1) Akta jika debentur runcit atau sukuk runcit yang berkaitan telah didepositkan dengan Bank Negara Malaysia atau suatu entiti yang bertindak bagi pihak Bank Negara Malaysia tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang dikenakan oleh Suruhanjaya.

**Pengecualian daripada penyerahan skrip di bawah subseksyen 37(2) dan 38(1) Akta**

5. Menteri mengecualikan penerbit atau pembuat tawaran debentur runcit atau sukuk runcit daripada penyerahan skrip yang berdaftar atas nama depositori pusat atau syarikat penamanya kepada depositori pusat di bawah subseksyen 37(2) dan 38(1) Akta jika debentur runcit atau sukuk runcit yang berkaitan telah didepositkan dengan Bank Negara Malaysia atau suatu entiti yang bertindak bagi pihak Bank Negara Malaysia tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang dikenakan oleh Suruhanjaya.